

Jangan perbesarkan isu pengguguran Chua — PM

UM 6 OCT 2001

KUALA LUMPUR 5 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak mahu pengguguran Datuk Chua Jui Meng sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan MCA Kedah dijadikan isu besar.

Sebaliknya, Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu berkata, pengguguran tersebut adalah perkara biasa untuk menguatkan parti.

Katanya, adalah menjadi amalan bagi mana-mana parti komponen memilih seorang pemimpin Pusat untuk me-

ngetuai parti di sesebuah negeri yang menghadapi masalah.

“Saya sendiri dipilih menjadi Ketua Perhubungan UMNO Kelantan selama 10 tahun sekarang ini saya telah disingkirkan, sebab dah bubuh orang lain.

“Jadi itu adalah perkara biasa dan saya tidak mahu ia dijadikan isu besar,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Chua dilucutkan jawatannya itu berkuat kuasa 2 Oktober lalu.

Presiden MCA, Datuk Dr. Ling Liong Sik tidak memberi sebarang alasan terhadap pemecatan itu.

Dr. Mahathir berkata, banyak yang suka jika pemimpin parti MCA berkelahi antara satu sama lain.

Bagaimanapun, katanya, tujuan utama tindakan itu adalah untuk menyelesaikan masalah parti supaya menjadi lebih kuat.